JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN,
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

DOKUMEN SEBUTHARGA

TAJUK	:	**SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN TIGA (3) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL BERWARNA DAN HITAM PUTIH DUTI BERAT (HEAVY DUTY), UNTUK JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN NEGERI KEDAH, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.**
NOMBOR TAWARAN	:	**JKPTG SH 07/2018**
TARIKH TAWARAN DIBUKA	:	**27 MAC 2018 (SELASA)**
TARIKH TAWARAN DITUTUP	:	**5 APRIL 2018 (KHAMIS)**
KELAS/ KOD BIDANG	:	**221502**

KANDUNGAN

				MUKASURAT
1.	Kenyataan Sebutharga			6
2.	Terma dan Syarat			11
3.	Latar belakang			22
4.	Syarat-syarat Sebutharga :-			
5.	Jadual 1	:	Surat Akuan Penyebutharga	23
6.	Jadual 1.1	:	Laporan Sulit Daripada Pihak Bank / Institut Kewangan	25
7.	Jadual 2	:	Keterangan Mengenai Penyebutharga	27
8.	Jadual 3	:	Jadual Pengalaman Kerja Bagi Tempoh Mac 2015 hingga Feb 2018	32
9.	Jadual 4	:	Jadual Kerja Dalam Tangan yang sedang dilakukan Mac 2018 dan ke atas	33
10.	Jadual 5	:	Jadual Tawaran Harga	34
11.	Jadual 6	:	Jadual Penentuan Teknikal	35
12.	Jadual 7	:	Jadual Spesifikasi Perkhidmatan Penyewaan	40
13.	Jadual 8	:	Tahap Prestasi Sasaran	41
14.	Lampiran A	:	Perjanjian Kontrak Bagi Bekalan dan Perkhidmatan	42
15.	Lampiran B	:	Borang Jaminan Bank Untuk Bon Pelaksanaan	52
16.	Lampiran C	:	Surat Akuan Pembida	54

LAMPIRAN A

SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

Sila tandakan (/) Bagi Dokumen-dokumen Yang disertakan

TAJUK/TUJUAN SEBUT HARGA		**SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN TIGA (3) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL BERWARNA DAN HITAM PUTIH DUTI BERAT (HEAVY DUTY), UNTUK JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN NEGERI KEDAH, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.**	
NO. SEBUT HARGA		**JKPTG SH 07/2018**	
BIL	**PROSES**	**UNTUK DI TANDA OLEH SYARIKAT**	**UNTUK DI TANDA OLEH J/K PEMBUKA SEBUTHARGA**
DOKUMEN CADANGAN KEWANGAN			
1.	Jadual 1 : Surat Akuan Sebutharga	☐	☐
2.	Laporan Sulit daripada pihak Bank / Institusi Kewangan seperti format dalam **Jadual 1.1**	☐	☐
3.	Jadual 2 : Latar Belakang Dan Kedudukan Kewangan Penyebutharga/Syarikat-Syarikat Lain Yang Terlibat Bersama Syarikat Penyebutharga:	☐	☐
	3.1 Salinan penyata akaun Syarikat bagi dua (2) tahun kewangan terakhir, yang disahkan dan diaudit oleh Juruaudit Bertauliah *(Certified Account)* atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya bagi menyokong data-data diberi;	☐	☐
	3.2 Salinan Penyata Bulanan Bank bagi bulan **Dis 2017, Jan dan Feb 2018;**	☐	☐

TAJUK/TUJUAN SEBUT HARGA		SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN TIGA (3) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL BERWARNA DAN HITAM PUTIH DUTI BERAT (HEAVY DUTY), UNTUK JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN NEGERI KEDAH, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.	
NO. SEBUT HARGA		**JKPTG SH 07/2018**	
BIL	**PROSES**	**UNTUK DI TANDA OLEH SYARIKAT**	**UNTUK DI TANDA OLEH J/K PEMBUKA SEBUTHARGA**
	3.3 Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia:	☐	☐
	3.4 Salinan perakuan pendaftaran kontraktor bumiputera (jika ada); dan	☐	☐
	3.5 Salinan Borang 24, Borang 44, Borang 49, *Memorandum and Articles of Association* (M&A) yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat.	☐	☐
4.	Jadual 3 : Pengalaman Kerja Bagi Tahun Mac 2015 hingga Feb 2018	☐	☐
5.	Jadual 4: Kerja Dalam Tangan Bagi Tempoh Mac 2018 dan ke atas	☐	☐
6.	Jadual 5: Jadual Tawaran Harga		
7.	Lampiran C: Surat Akuan Pembida	☐	☐
DOKUMEN CADANGAN TEKNIKAL			
1.	Jadual 6: Jadual Penentuan Teknikal	☐	☐
2.	Jadual 7: Spesifikasi Perkhidmatan Penyewaan	☐	☐
3.	Jadual 8: Tahap Prestasi Sasaran	☐	☐

TAJUK/TUJUAN SEBUT HARGA		SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN TIGA (3) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL BERWARNA DAN HITAM PUTIH DUTI BERAT (HEAVY DUTY), UNTUK JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN NEGERI KEDAH, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.	
NO. SEBUT HARGA		**JKPTG SH 07/2018**	
BIL	**PROSES**	**UNTUK DI TANDA OLEH SYARIKAT**	**UNTUK DI TANDA OLEH J/K PEMBUKA SEBUTHARGA**
4.	Katalog	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	**UNTUK KEGUNAAN JABATAN** Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. ..... (jika ada). Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:

KENYATAAN SEBUTHARGA

NO. SEBUTHARGA : JKPTG SH 07/2018

SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN TIGA (3) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL BERWARNA DAN HITAM PUTIH DUTI BERAT (HEAVY DUTY), UNTUK JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN NEGERI KEDAH, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.

1. Sebut harga ini dibuka kepada syarikat-syarikat yang *eP enabled* dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (alamat daftar di Kedah) di bawah **Kod Bidang 221502 (Perkhidmatan Penyewaan dan Pengurusan Mesin dan Peralatan Pejabat)** yang mana pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi **Perkhidmatan Penyewaan, Pembekalan, Penghantaran Dan Penyelenggaraan Tiga (3) Unit Mesin Penyalin Digital Berwarna Dan Hitam Putih Duti Berat (Heavy Duty), Untuk Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Negeri Kedah, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar.** Penerimaan dokumen tawaran akan ditutup pada jam 12.00 tengah hari**, 5 April 2018 (Khamis)**. Semua dokumen tawaran hendaklah sampai kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Aras 1, Podium 1, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4, 62574 Putrajaya **(u.p : Puan Nor Shazleen Binti Eshak) pada atau sebelum tarikh dan waktu** tersebut. **Tawaran yang lewat** diterima dari tarikh dan waktu tersebut di atas **tidak akan dipertimbangkan**.

2. Penyebutharga **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri satu taklimat yang akan diadakan pada**, 29 Mac 2018 (Khamis) jam 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 3, Zon A, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Negeri Kedah, Wisma Persekutuan, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Bandar Mu'adzam Shah, 06550 Alor Setar, Kedah Darul Aman.**

3. **HARGA DAN PEMBAYARAN**

   3.1 Semua harga yang ditawarkan hendaklah tetap dalam **Ringgit Malaysia**. Penetapan harga ini menjurus kepada skop sewaan dan senggara mesin fotostat di bangunan pejabat Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Negeri Kedah, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

3.2 Setiap item yang diletakkan harga di bawah Cadangan Kewangan mestilah sama dengan bilangan item dan spesifikasi yang ditawarkan di dalam Cadangan Teknikal.

3.3 Kerajaan tidak bertanggungjawab di atas apa-apa kehilangan tawaran semasa perjalanan pos/perkhidmatan hantar cepat (*courier service*) dan sebagainya.

3.4 Harga tawaran mestilah sah bagi tempoh yang tidak kurang daripada **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup tawaran. Penyebutharga mestilah melanjutkan tempoh sah tawaran selama **satu (1) bulan** lagi jika dipohon secara bertulis oleh Kerajaan. Harga tawaran tidak boleh diubah dalam tempoh sah asal tawaran atau tempoh lanjutan. Penyebutharga yang berjaya tidak boleh mengubah harga tawarannya melainkan dipersetujui secara bertulis oleh pihak Kerajaan kerana sesuatu sebab di luar kawalan.

3.5 Kerajaan akan membuat bayaran secara bulanan kepada Kontraktor setelah perkhidmatan sewaan dan senggara mesin fotostat disempurnakan dengan memuaskan untuk bulan berkenaan.

3.5 Pembayaran hanya akan dibuat setelah Perjanjian Kontrak ditandatangani oleh Kontraktor dan Kerajaan.

4. JAMINAN ATAS SEBUTHARGA

4.1 Pendaftaran Penyebutharga-Penyebutharga di Kementerian Kewangan adalah merupakan jaminan ke atas sebutharga-sebutharga yang dikemukakan. Sekiranya Penyebutharga-Penyebutharga menarik balik tawaran sebelum sebutharga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah setuju terima dikeluarkan, tindakan tatatertib akan diambil seperti berikut:

4.1.1 Menggantung pendaftaran selama **dua (2)** tahun bagi kesalahan pertama;
4.1.2 Menggantung pendaftaran selama **lima (5)** tahun bagi kesalahan kedua;
4.1.3 Pendaftaran akan dipotong terus bagi kesalahan berikutnya.

4.2 Syarikat-syarikat yang digantung/dipotong pendaftarannya tidak akan dibenarkan mengambil bahagian di dalam mana-mana sebutharga yang dipelawa oleh semua Kementerian/Jabatan/ Badan Berkanun di seluruh Malaysia.

4.3 Bagi semua penggantungan/pemotongan pendaftaran syarikat, nama pengarah-pengarah termasuk nama pemegang-pemegang saham terbesar akan disenaraihitamkan.

5. IKLAN

Sebarang iklan mengenai sebutharga ini adalah tidak boleh disiarkan melalui akhbar, majalah atau sebarang bentuk media kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada pihak Kerajaan.

6. SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

Penyebutharga adalah dikehendaki menandatangani **Jadual 1 - Surat Akuan Penyebutharga** yang terdapat dalam dokumen sebutharga.

7. PENERIMAAN SEBUTHARGA

7.1 JKPTG akan memberi notis bertulis kepada Penyebutharga yang berjaya apabila sebutharganya disetuju terima.

7.2 Notis itu bolehlah mengandungi syarat-syarat kontrak sebagai tambahan kepada syarat-syarat yang dilampirkan bersama ini dan sekiranya demikian sebutharga itu tidaklah boleh disifatkan sebagai disetujuterima sehingga pengesahan bertulis daripada Penyebutharga menyatakan bahawa syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai itu adalah diterima.

7.3 Apabila disetujuterima, maka satu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh JKPTGP dengan Penyebutharga mengikut syarat-syarat kontrak yang dilampirkan (termasuk syarat-

syarat tambahan atau yang apa-apa perjanjian atau syarat lain walau dari apa jenis pun boleh disifatkan sebagai termasuk dalam kontrak ini).

7.4 Kerajaan adalah berhak mempersetujui sebutharga sama ada kesemuanya sekali atau mana-mana sebutharga juapun.

8. BON PERLAKSANAAN BAGI KONTRAK BEKALAN/PERKHIDMATAN

8.1 Penyebutharga yang berjaya dikehendaki memberi **Bon Perlaksanaan** sebelum menandatangani kontrak. **Bon Perlaksanaan** mestilah dalam bentuk **Jaminan Bank** yang dikeluarkan oleh bank yang berdaftar di Malaysia yang berjumlah **2.5% daripada nilai kontrak-kontrak melebihi RM 200,000.00 hingga RM 500,000.00 atau 5% daripada nilai kontrak yang melebihi RM 500,000.00.**

8.2 **Jaminan Bank** mestilah sah berkuatkuasa di sepanjang tempoh kontrak sehingga satu tempoh minima 12 bulan selepas tamatnya kontrak atau tarikh pembekalan/perkhidmatan terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

8.3 **Bon Perlaksanaan** akan dikembalikan kepada Penyebutharga selepas semua syarat kontrak dipenuhi.

8.4 Jaminan bank untuk **Bon Perlaksanaan** adalah seperti di **Lampiran B – Borang Jaminan Bank Untuk Bon Pelaksanaan** dokumen sebutharga.

8.5 Polisi Insuran Tanggungan Awam (iaitu insuran terhadap bencana kepada orang-orang atau kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan beserta dengan resit bagi premium yang dibayar.

8.6 Nombor Pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO).

9. KONTRAK

Semua syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen atau di mana-mana jadual yang terdahulu bersama-sama dengan dokumen sebutharga ini adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan

Penyebutharga yang berjaya. Penyebutharga yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan pihak Kerajaan dan membayar segala gantirugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak. Sebarang bantahan kepada syarat-syarat kontrak hendaklah dibuat semasa mengemukakan sebutharga.

10. BANTAHAN SPESIFIKASI

Penyebutharga yang merasa tidak berpuashati dengan spesifikasi yang disediakan dan mendapati ianya menjurus kepada sesuatu jenama, mereka berhak untuk membuat **bantahan** kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dalam tempoh **empat belas (14)** hari dari tarikh iklan.

BAHAGIAN 2

TERMA DAN SYARAT

1. UMUM

1.1. Penyebutharga adalah dikehendaki mematuhi prosedur, terma dan syarat serta spesifikasi teknikal seperti yang diterangkan dalam dokumen sebutharga ini. Kegagalan Penyebutharga untuk mematuhi perkara-perkara tersebut boleh menyebabkan cadangan sebutharga dibatalkan dan ditolak.

1.2. Kemampuan Penyebutharga dalam memberikan perkhidmatan sewaan dan senggara mesin fotostat amat penting bagi Kerajaan dalam menimbang untuk menerima tawaran Penyebutharga.

1.3. Kementerian/Jabatan berhak untuk menerima sebahagian atau keseluruhan ke atas mana-mana sebutharga yang dikemukakan.

2. TAKRIF

2.1. Dalam Spesifikasi Sebutharga ini, takrif bagi istilah-istilah yang berikut hendaklah diguna pakai, kecuali apabila dalam konteks yang memerlukan maksud berlainan.

2.1.1. ***Bulan***

Hendaklah bermaksud bulan kalendar.

2.1.2. ***Kementerian/Jabatan***

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar / Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

2.1.3. ***Kerajaan***

Kerajaan Malaysia dan jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawahnya termasuk Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dan Ketua Pengarah serta mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis olehnya.

2.1.4. ***Kontraktor***

Penyebutharga atau Penyebutharga-Penyebutharga yang dengannya kontrak dibuat untuk membekalkan perkhidmatan penyewaan mesin fotostat kepada Kementerian menurut spesifikasi dalam dokumen sebutharga ini, pengganti dan wakil atau ejen yang dilantik oleh kontraktor.

2.1.5. ***Perkhidmatan Penyewaan***

Perkhidmatan penyewaan yang diterima daripada sesebuah cadangan sebutharga menurut spesifikasi dalam dokumen sebutharga ini.

2.1.6. ***Penyebutharga***

Penyebutharga atau Penyebutharga-Penyebutharga yang membuat cadangan sebutharga untuk membekal perkhidmatan pembersihan berdasarkan kepada spesifikasi dalam dokumen sebutharga ini.

2.1.7. ***Penyebutharga yang berjaya***

Penyebutharga yang berjaya adalah Penyebutharga yang diluluskan dan diterima oleh Jawatankuasa Sebutharga Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan yang telah mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam tawaran ini.

2.1.8. ***Spesifikasi Sebutharga***

Dokumen ini berserta dengan lampiran-lampirannya.

3. PINDAAN

3.1. Kementerian/Jabatan berhak untuk meminda dan memotong mana-mana fasa atau mana-mana bahagian yang membentuk sebahagian daripada dokumen sebutharga ini pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu bagi menguatkuasakan perubahan dasar, keperluan atau membetulkan mana-mana ralat atau bahagian yang tidak dimasukkan, kekaburan (*ambiguity*) atau ketidaktekalan (*inconsistency*) yang mungkin timbul selepas dokumen sebutharga ini dikeluarkan.

3.2. Dalam perkara ini sebarang pindaan pada dokumen sebutharga akan dimaklumkan kepada Penyebutharga yang berkenaan melalui surat rasmi.

4. SKOP SEBUTHARGA

Penyebutharga mesti menjalankan kerja-kerja sepertimana yang dinyatakan di **Jadual 6: Jadual Penentuan Teknika**l dalam dokumen Sebutharga ini dengan sempurna dan diterima oleh Kerajaan.

5. PERJANJIAN

Penyebutharga yang berjaya adalah dikehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan. Sementara dokumen perjanjian diuruskan dan dirasmikan, Surat Setuju Terima Tawaran dan Dokumen Sebutharga ini hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara Kerajaan dan Penyebutharga.

6. MAKLUMAT TAWARAN

6.1. Semua maklumat tawaran hendaklah diisi dalam bentuk format asal dokumen Sebutharga ini. Maklumat tambahan hendaklah dikemukakan sebagai lampiran.

6.2. Tawaran yang dikemukakan hendaklah mengikut spesifikasi teknikal yang lengkap bagi perkhidmatan sewaan dan senggara yang hendak ditawarkan.

6.3. Jika berlaku kesilapan/kekeliruan antara salinan-salinan tawaran, dokumen yang bertanda “ASAL” akan diterima sebagai yang sah.

6.4. <u>Cadangan Teknikal</u>

i) Penyebutharga yang berkenaan mestilah memastikan bahawa cadangan sebutharga mereka memenuhi kehendak setiap syarat dan kenyataan yang ditimbulkan dalam Spesifikasi Sebutharga ini secara jelas dan tepat. Kegagalan untuk memenuhi keperluan ini boleh menyebabkan cadangan Penyebutharga yang berkenaan ditolak.

ii) Kementerian/Jabatan tidak bertanggungjawab atas sebarang salah faham yang timbul akibat kegagalan Penyebutharga yang berkenaan untuk mematuhi **perenggan 6.4. (i)**.

Apabila tidak ada jawapan terhadap sebarang syarat Spesifikasi Sebutharga, Penyebutharga yang berkenaan akan disifatkan tidak mematuhi keperluan yang dinyatakan. Apabila Penyebutharga yang berkenaan tidak bersedia untuk menerima syarat-syarat tertentu Spesifikasi Sebutharga, perkara ini hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam cadangan sebutharga Penyebutharga yang berkenaan. Kenyataan mengenai cadangan sebutharga hendaklah diberikan secara bertulis. Kenyataan tersebut tidak memadai sebagai lampiran.

iv) **Cadangan Teknikal mesti mengandungi :-**

- Jadual 6 - Jadual Penentuan Teknikal ;
- Jadual 7 – Spesifikasi Perkhidmatan Penyewaan;
- Jadual 8 – Tahap Prestasi Sasaran; dan
- Katalog (original)

Kegagalan dalam menyediakan dokumen di atas akan menyebabkan cadangan Penyebutharga ditolak.

v) Cadangan Teknikal hendaklah diasingkan daripada Cadangan Kewangan dan dimasukkan dalam sampul yang bertanda '**Cadangan Teknikal'.**

vi) Cadangan Teknikal hendaklah dihantar sebanyak tiga (3) salinan di mana **satu (1) ditandakan 'ASAL' dan selebihnya ditandakan 'SALINAN'**.

Kegagalan dalam menyediakan dokumen di atas akan menyebabkan cadangan Penyebutharga ditolak.

6.5. Cadangan Kewangan

i) Cadangan Kewangan hendaklah berdasarkan kepada keperluan perolehan yang dinyatakan dalam spesifikasi teknikal sebutharga ini. Cadangan Kewangan yang dikemukakan hendaklah mengambilkira segala kos yang terlibat dan melengkapkan Jadual Tawaran Harga di

Jadual 5. Jadual Tawaran Harga yang dikemukakan hendaklah di dalam **Ringgit Malaysia (RM).**

ii) Cadangan Kewangan hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti berikut:-

- Jadual 1 – Surat Akuan Penyebutharga;
- Jadual 1.1- Laporan Sulit Bank / Institut Kewangan
- Jadual 2 - Keterangan Mengenai Penyebutharga;
- Salinan penyata akaun Syarikat bagi dua (2) tahun kewangan terakhir, yang disahkan dan diaudit oleh Juruaudit Bertauliah *(Certified Account)* atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya bagi menyokong data-data diberi;
- Penyata Akaun Bank bagi 3 bulan terakhir;
- salinan pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (alamat berdaftar di Kelantan);
- salinan perakuan pendaftaran kontraktor bumiputera;
- Salinan Borang 24, Borang 44, Borang 49, *Memorandum and Articles of Association* (M&A) yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat;
- Jadual 3 – Pengalaman Kerja
- Jadual 4 – Kerja Dalam Tangan
- Jadual 5 - Jadual Tawaran Harga
- Lampiran C – Surat Akuan Pembida
- Lain-lain dokumen/surat sokongan yang berkaitan

iii) Cadangan Kewangan hendaklah diasingkan daripada Cadangan Teknikal dan dimasukkan dalam sampul yang bertanda '**Cadangan Kewangan'**.

6.6. Nota Penyerahan

i) Penyebutharga tidak boleh menggunakan Nama, Alamat dan Logo Syarikat pada setiap muka surat di dalam Cadangan Teknikal kecuali pada Cadangan Kewangan.

ii) Sebutharga yang tidak lengkap, tidak mengikut arahan dan tidak teratur akan ditolak.

iii) Penyebutharga dikehendaki menandatangani, meletakkan cop syarikat dan mengisi butiran yang diperlukan di ruangan yang disediakan pada setiap dokumen kewangan yang dilampirkan.

iv) Cadangan Kewangan hendaklah dihantar sebanyak tiga (3) salinan di mana **satu (1) ditandakan 'ASAL' dan selebihnya ditandakan 'SALINAN'**.

6.7. Semua butiran/lampiran yang telah diisi/diserta dengan lengkap, hendaklah di hantar kepada alamat di bawah:

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan,
Bahagian Khidmat Pengurusan,
Seksyen Pentadbiran dan Kewangan,
Aras 1, Podium 1, Wisma Sumber Asli,
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 WP PUTRAJAYA.
(u.p : Puan Nor Shazleen Binti Eshak / Puan Nur Azrahani binti Zainal)
No. Telefon : 03-8871 2912 / 2873
No. Fax : 03-8890 1237
Emel : norshazleen@jkptg.gov.my / azrahani@jkptg.gov.my

6.8 Sebarang pertanyaan teknikal bolehlah diajukan kepada :

Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan Negeri Kedah,
Unit Pentadbiran & Kewangan,
Aras 3, Zon A, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah
06550 Alor Setar
Kedah Darul Aman
(u/p: Puan Norsuliha binti Mohamad Shahar)
No. Telefon : 04-7001624
Emel : norsuliha@jkptg.gov.my

6.9 Dokumen manual (*hardcopy*) hendaklah dikemukakan sebelum waktu dan tarikh tutup. Dokumen cadangan tawaran permulaan hendaklah disediakan sebanyak **tiga (3) salinan** menggunakan Bahasa Malaysia. Satu (1) salinan ditandakan '**ASAL**' manakala yang selebihnya ditandakan dengan '**SALINAN**'. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksamaan di antara salinan tersebut, maka salinan ASAL akan digunakan. Dokumen tersebut hendaklah dikemukakan dalam sampul berlakri (*sealed*) dan ditanda di bahagian atas sampul surat itu dengan:

CONTOH

No.Rujukan Sebutharga:

SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN TIGA (3) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL BERWARNA DAN HITAM PUTIH DUTI BERAT (HEAVY DUTY), UNTUK JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN NEGERI KEDAH, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.

No. Dokumen :
No Cadangan Pembida :
DITUTUP PADA 5 APRIL 2018 (KHAMIS)
JAM 12.00 TENGAH HARI

6.10 Tarikh tutup.

Sebutharga akan ditutup pada **5 April 2018 (Khamis)** jam 12:00 tengah hari. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa tersebut di atas tidak akan dipertimbangkan.

7. SULIT

Penyebutharga yang berkenaan hendaklah tidak membuat sebarang kenyataan umum atau berbincang dengan mana-mana pihak tentang Spesifikasi Sebutharga ini atau tentang penawaran yang berikutnya bagi sebarang pesanan atau ikatan kontrak menurut Spesifikasi Sebutharga ini tanpa kebenaran bertulis Kementerian/Jabatan.

8. KELEWATAN DARI LANJUTAN MASA

8.1. Setelah nyata bahawa kerja-kerja perolehan terlewat, Penyebutharga yang berkenaan hendaklah memberikan notis bertulis tentang punca kelewatan kepada Kementerian/Jabatan dan pada pandangan Kementerian, bekalan Kontrak mungkin lewat atau telah melampaui masa yang ditetapkan oleh Kontrak:

(i) menerusi *force majeure*, atau

(ii) atas sebarang alasan.

Kementerian/Jabatan dengan secepat yang mungkin menganggarkan tempoh kelewatan melampaui tarikh atau masa yang disebut sebelum ini, mengemukakan secara bertulis tempoh masa untuk pelaksanaan Kontrak dengan syarat Penyebutharga yang berkenaan berusaha bersungguh-sungguh mengelakkan kelewatan dan hendaklah melakukan apa jua usaha yang munasabah untuk memuaskan hati Kementerian/Jabatan bagi meneruskan Kontrak ini.

8.2. Jika Penyebutharga yang berjaya tidak dapat menyempurnakan perkhidmatan penyewaan mesin fotostat dalam jangka masa yang ditetapkan, dan jika Kementerian/Jabatan tidak pula membatalkan kontrak menurut kuasa yang diperuntukkan dalam syarat Spesifikasi Sebutharga ini, Penyebutharga berkenaan hendaklah membayar ganti rugi kerana kegagalannya yang berjumlah 5% daripada jumlah kos atas perkhidmatan bagi setiap minggu atau sebahagian daripada minggu Penyebutharga berkenaan terlewat melakukan operasi. Jumlah potongan boleh dibuat daripada mana-mana wang yang boleh dibayar kepada kontrak Penyebutharga berkenaan menurut kontrak ini dan kontrak lain dengan Kementerian/Jabatan.

8.3 Kementerian/Jabatan berhak untuk menerima atau menolak sebarang perlanjutan tempoh yang diperlukan untuk melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan penyewaan tersebut.

9.0 PENAMATAN KONTRAK

Jika Penyebutharga yang berkenaan :

(i) Gagal untuk meneruskan kerja-kerja perkhidmatan penyewaan pada kadar kemajuan Kontrak;

(ii) Menugaskan hak atau tanggungjawabnya, atau menyerah keseluruhan atau sebahagian daripada Kontrak kepada pihak lain tanpa izin bertulis daripada Kementerian/Jabatan;

(iii) Berada dalam pembubaran (*liquidation*) atau dalam kuasa penerima (*receivership*) atau penerima dan pengurus dilantik dalam hubungan dengan Penyebutharga yang berkenaan.

(iv) Gagal dalam pelaksanaan atau mematuhi sebarang kovenan, syarat atau ketetapan yang terdapat dalam kontrak; atau

(v) Meninggalkan atau enggan untuk meneruskan operasi setelah memulakannya.

vi) Tidak menjalankan tugas-tugas mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan; atau

vii) Tidak menunjukkan mutu kerja yang memuaskan pihak kerajaan; atau

viii) Tidak menyediakan bahan-bahan peralatan-peralatan sokongan dan lain-lain atau tidak menyediakan peralatan-peralatan berkenaan dengan secukupnya atau tidak menyediakannya sepanjang waktu yang telah ditetapkan.

Maka Kementerian/Jabatan berhak, dengan notis bertulis untuk menamatkan Kontrak atau sebahagian daripadanya.

10. HAK KEMENTERIAN/JABATAN

Kementerian/Jabatan berhak untuk tidak memilih sebutharga yang terendah ataupun sebarang sebutharga yang dikemukakan.

11. KELUARAN TERKINI

Jika pemilihan cadangan sebutharga yang lebih baik diumumkan oleh mana-mana Penyebutharga yang bersaing selepas tarikh tutup sebutharga tetapi sebelum tarikh penerimaan rasmi cadangan sebutharga, Penyebutharga yang berkenaan dibenarkan mengemukakan cadangan pilihan berdasarkan keluaran terbaru. Meskipun begitu, Kementerian/Jabatan berhak untuk menerima atau menolak cadangan tersebut jika ia melibatkan penambahan dalam harga.

12. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Petender/Penyebut harga adalah diingatkan mengenai kesalahan rasuah seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan pada 22 September 2008 iaitu:

(a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Any act or attempt to corruptly offer, solicit or receive any gratification to and from any person in connection with this procurement is a criminal offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

(b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

If any person offers or gives any gratification to any members of the public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Malaysian Anti-Corruption Commission or police station. Failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

(c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau

pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Without prejudice to any other actions, disciplinary action against a member of the public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

(d) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Any contractor or supplier who makes a claim for payment in relation to this procurement although no work was carried out or no goods were supplied or no services rendered in accordance with the specifications and any member of the public service who certifies the claim commits an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

13. FI PERKHIDMATAN SISTEM ePEROLEHAN

Pembida hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak kosong perpuluhan lapan peratus (0.8%) dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih ;

atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak kosong perpuluhan empat peratus (0.4%) dengan had maksimum RM4,800 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.

Semua pembekal sewajarnya sedia maklum mengenai fi yang dikenakan ini kerana syarat pengenaan fi perkhidmatan tersebut termaktub dalam Terma dan Syarat bagi

Pendaftaran Pembekal di bawah Sistem *ePerolehan*. Oleh itu, pembida hendaklah mengambil kira kadar fi perkhidmatan dalam menawarkan harga.

Jadual Bayaran yang akan dibuat oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan adalah seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian. Bayaran yang akan dibuat oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan kepada pembida yang berjaya adalah tertakluk kepada kadar fi perkhidmatan yang dinyatakan dalam perenggan 4, SPP Bil. 2 Tahun 2013.

[Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN 3

LATAR BELAKANG DAN SKOP SEBUTHARGA

LATAR BELAKANG SEBUTHARGA

1. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan atau JKPTG merupakan salah satu daripada 11 jabatan di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). JKPTG berfungsi sebagai *custodian* dalam hakmilik tanah-tanah untuk tujuan pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan. Manakala JKPTG Negeri diberi tanggungjawab sepenuhnya untuk menjalankan fungsi JKPTG di peringkat Negeri.

2. Pada masa ini, JKPTG Negeri Kedah beroperasi di Aras 3, Zon A, Wisma Persekutuan, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Bandar Mu'adzam Shah, 06550 Alor Setar, Kedah sejak 2008. Pada masa ini, perkhidmatan penyewaan, pembekalan, penghantaran dan penyelenggaraan 1 unit mesin penyalin digital ini telah ditawarkan kepada Al-Nursha Sdn. Bhd.

3. Perolehan ini akan membantu JKPTG Negeri Kedah menjalankan urusan pentadbiran dengan lancar kerana akan memudahkan penyediaan dokumen-dokumen berkaitan perkeranian, kewangan, urusan pengambilan tanah, urusan tanah persekutuan dan pembahagian pusaka.

JADUAL 1

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

Kepada:

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan,
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan,
Seksyen Pentadbiran dan Kewangan,
Aras 1, Podium 1, Wisma Sumber Asli,
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62574 WP PUTRAJAYA.

Tuan,

SEBUTHARGA BIL. JKPTG SH 07/2018 : PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN TIGA (3) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL BERWARNA DAN HITAM PUTIH DUTI BERAT (HEAVY DUTY), UNTUK JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN NEGERI KEDAH, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga, saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini adalah dengan ini mengambil bahagian sebutharga dan menawarkan untuk melaksanakan perkhidmatan di atas mengikut penentuan spesifikasi yang ditetapkan di dalam Dokumen Sebutharga yang didapati secara percuma bagi tempoh perkhidmatan selama tiga puluh enam (36) bulan.

2. Saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan semua Syarat-syarat Kontrak dan Spesifikasi Sebutharga ini dan bersetuju di atas harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran perkhidmatan yang telah dipesan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

3. Dengan ini juga telah difahami bahawa Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan berhak menerima atau menolak sebarang sebutharga ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah, tinggi atau sama ada dengan sebutharga-sebutharga yang lain. Saya juga bersetuju untuk menerima kesemua atau sebahagian dari item-item yang ditawarkan dan sedia mengikut kehendak dan pertimbangan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. **Saya juga bersetuju bahawa harga sebutharga yang saya beri ini akan sahlaku (*valid*) dan tidak ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebutharga.**

4. Selanjutnya saya bersetuju sekiranya sebutharga saya diterima, saya akan mengikat perjanjian kontrak serta memberi bon perlaksanaan dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh terima surat tawaran dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

5. Saya juga mengesahkan, setelah menyemak sendiri iaitu semua dokumen yang digunakan untuk sebutharga ini adalah yang sebenar yang terdapat di dalam Dokumen Sebutharga.

Nama Penyebutharga: …… *…….....
Tandatangan

Penyebutharga
Alamat dan
Cop Rasmi: ……
……
……

Tarikh: ……

Nama Saksi: …… *……...
Tandatangan Saksi

Alamat: …….
…….
…….

** wajib ditandatangan*

JADUAL 1.1

SULIT

LAPORAN SULIT DARIPADA BANK / INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUTHARGA

SEBUTHARGA BIL. JKPTG SH 07/2018

PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN TIGA (3) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL BERWARNA DAN HITAM PUTIH DUTI BERAT (HEAVY DUTY), UNTUK JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN NEGERI KEDAH, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.

(Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh pihak Bank atau Institusi Kewangan lain dan diserahkan kepada Penyebutharga dalam satu sampul berlakri untuk disertakan bersama-sama sebutharganya sekiranya Penyebutharga mempunyai kemudahan kredit dengan Bank / Institusi Kewangan yang berkenaan).

Kepada :

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan,
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar,
Bahagian Khidmat Pengurusan,
Seksyen Pentadbiran dan Kewangan,
Aras 1, Blok Podium 1,
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 WP. Putrajaya
MALAYSIA.

Nama Penyebutharga : ……..

I. KEMUDAHAN KREDIT yang boleh digunakan untuk pelaksanaan Projek:

Kemudahan Kredit yang telah dilulus dan kemudahan kredit tambahan minimum yang layak diperolehi oleh Penyebutharga adalah seperti berikut:

Bentuk Kemudahan Kredit	Baki Daripada Yang Telah Diluluskan (RM)	Tambahan Minima Yang Akan Diluluskan (RM)	Jumlah (RM)
Overdraft			
Overdraft Bercagar			
Talian Kredit yang akan/layak diperolehi untuk projek ini			
Kemudahan Lain (sila nyatakan)			

Bentuk Kemudahan Kredit	Baki Daripada Yang Telah Diluluskan (RM)	Tambahan Minima Yang Akan Diluluskan (RM)	Jumlah (RM)
Jumlah			

II. ULASAN-ULASAN mengenai kedudukan kewangan dan akaun Penyebutharga.

.....

.....

.....

.....

Tandatangan untuk dan bagi pihak bank:

Meteri Bank:

……..

Nama Bank : …….....

Nama Pegawai : …….....

Jawatan : …….....

Tarikh : ……..….....

JADUAL 2

KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT PENYEBUTHARGA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Nama Syarikat	
2.	No. Pendaftaran Syarikat	
3.	Alamat Pendaftaran/Syarikat	
4.	Alamat Surat Menyurat	
